



BULETIN NADI HAYAT



PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH TUARAN

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Fasa 1 dilancarkan pada 24 Februari 2021 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin. Terdapat 3 fasa bagi PICK ini dijalankan di Malaysia, iaitu; Fasa 1 (Pekerja Kesihatan, perkhidmatan penting dan pertahanan seramai 500,000 orang; Februari - April 2021), Fasa 2 (Warga emas, pesakit, penyakit kronik dan OKU seramai 9.4 juta orang; April - Ogos 2021) dan Fasa 3 (Populasi dewasa berumur 18 tahun ke atas seramai 13.7 juta orang; Mei 2021 - Februari 2022). Rakyat Malaysia yang menepati kelayakan adalah digalakkan untuk mendaftar PICK supaya mencapai lebih daripada 80% imunisasi komuniti bagi mengekang penularan penyakit ini. Terdapat 3 cara utama bagi pendaftaran PICK iaitu melalui aplikasi MySejahtera, laman sesawang (vaksinovid.gov.my) dan talian (1800-888-828). Sebanyak 54 tempat penyimpanan vaksin dan 605 lokasi vaksinasi yang telah dikenalpasti dan Hospital Tuaran merupakan salah satu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi Fasa 1 PICK ini. PICK Tuaran telah dilancarkan pada 4 Mac 2021 bersekali dengan pelancaran PICK Sabah. PICK Tuaran dilancarkan oleh YBhg. Tuan Sadan Hj. Hussain, Pegawai Daerah Tuaran. Seramai 77 penerima suntikan vaksin Comirnaty dos pertama pada hari pelancaran termasuklah Pegawai Daerah Tuaran, Ketua Pegawai Polis Tuaran, Pegawai Kesihatan Kawasan Tuaran, Ketua Inspektor Kesihatan Tuaran, Ketua Penyelia Jururawat Hospital Tuaran dan juga Pengarah Hospital Tuaran. Imunisasi merupakan satu sinar baharu dalam menghentikan penularan Covid-19.



YBrs. Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo Pengarah Hospital Hospital Tuaran

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat

- Dr. Maegyvear Pimid
- Chan Yen Mii
- David Dominicus
- Jack Richie Lee
- Jessica Yampai
- Lynceia Bonar
- Bartholemew G. Lee
- Normie E. Surin
- Clarice Jariman
- Ag. Ramlan Ag. Murshid
- Nooraini Armando
- Fredolin Andrew Sipail
- Ricaldo Geonan Majutin



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

STESEN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

- 1.MYSEJAHTERA & SUHU
- 2.TRIAGE & PENDAFTARAN
- 3.KAUNSELING
- 4.SUNTIKAN
- 5.PEMERHATIAN
- 6.TEMUJANJI DOS KEDUA



HOSPITAL TUARAN

- ✉ Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah
- ☎ 088-788224 / 088-797100
- ☎ 088-788167
- 🌐 <http://htuaran.moh.gov.my>
- 📧 @hospitaltuaran

He who has health, has hope; and he who has hope, has everything.

Thomas Carlyle

PROMOSI DAN KESEDARAN IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN DI KALANGAN MASYARAKAT

Pelancaran Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) telah dilaksanakan pada 24 Februari 2021. Sehingga bulan Mac 2021, Sabah merupakan antara negeri terendah dalam pendaftaran bagi PICK. Sebagai satu langkah untuk menggalakan PICK, Hospital Tuaran telah mengadakan majlis Promosi dan Kesedaran Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Di Kalangan Masyarakat Peringkat Daerah Tuaran pada 25 Mac 2021. Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, merangkap ADUN N.14 Tamparuli, YB Datuk Jahid Jahim yang turut melancarkan Buletin Nadi Hayat Hospital Tuaran Edisi ke 31. Melalui majlis, promosi untuk mendapatkan imunisasi boleh disampaikan terus kepada warga Tuaran. Terdapat 3 cara utama bagi pendaftaran PICK iaitu melalui aplikasi MySejahtera, laman sesawang (vaksinovid.gov.my) dan talian (1800-888-828). Turut hadir adalah Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, merangkap ADUN N.15 Kiulu, YB Datuk Joniston Bangkuai, YB Tuan Jasni Day, ADUN N.13 Pantai Dalit, Pegawai Daerah Tuaran, YBrs. Tuan Sadan Hj. Hussain, Pegawai Kesihatan Kawasan Tuaran, YBrs. Dr. Noraziah serta Pengarah Hospital, YBrs. Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo.



LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.



PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
JANUARI	3,678
FEBRUARI	3,781
MAC	2,414
JUMLAH	9,873

KENALI BAHASA KADAZAN

Toluo : *Disease* : Penyakit

Oluo : *Painful* : Sakit

Oluohan : *Feel pain* : Rasa sakit

BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD	JANUARI	FEBRUARI	MAC
PEREMPUAN	59.35%	58.03%	56.45%
LELAKI	70.00%	68.57%	73.06%
BERSALIN	40.93%	30.58%	45.16%
PEDIATRIK	47.27%	40.66%	67.74%
PKRC TUARAN	39.51%	24.93%	13.38%

KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH	PINT
JANUARI	1	25	
FEBRUARI	2	86	
MAC	3	71	
JUMLAH	6	182	

Sumber: Unit Transfusi Darah

BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
JANUARI	79
FEBRUARI	58
MAC	75
JUMLAH	212

Sumber: Unit Rekod Perubatan

Work hard, be kind and amazing things will happen.
Conan O'Brien

PENUTUPAN PKRC RELA

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) RELA telah ditutup secara rasminya pada 3 Mac 2021. Penutupan ini adalah kerana kes positif Covid-19 yang semakin berkurangan di daerah Tuaran. Sepanjang operasi PKRC RELA, seramai 120 pesakit telah dirawat dan sembuh. Satu majlis ringkas penutupan telah diadakan di Pejabat Pusat Latihan RELA Negeri Sabah hari yang sama. Penyerahan semula RELA telah disempurnakan oleh Tuan Sadan Hj. Hussain, Pegawai Daerah Tuaran kepada Tuan Komandan Hendra. Sijil penghargaan juga disampaikan kepada Datuk Tan Kim Beng, JP, Tuan Chong Chee Kim (Tzu Chi Foundation) dan Tuan Abdul Halim (SESB) di atas sumbangan yang diberikan sepanjang operasi PKRC RELA. Turut hadir bersama adalah YBrs. Dr. G. Mohan A/L Gopal Naidoo, Pengarah Hospital Tuaran.



Sometimes leadership is planting trees under whose shade you'll never sit. It may not happen fully till after I'm gone. But I know that the steps we're taking are the right steps.
Jennifer Granholm



Tiada bawa TUNAI

Mulai 1 Januari 2021

Kini anda boleh melakukan sebarang urusan pembayaran **TANPA TUNAI** di UNIT HASIL HOSPITAL TUARAN dengan

ePAYMENT



MUSIBAH KEBAKARAN KUARTERS HOSPITAL TUARAN

Pada pukul 1.40 pagi, 19 Februari 2021, satu musibah kebakaran kuarters Hospital Tuaran telah berlaku yang menyebabkan 6 buah rumah telah terbakar dan menjejaskan 22 penghuni. Api cuba untuk dikawal seawal mungkin menggunakan alat pemadam api namun api yang marak dengan pantas tidak memberi masa untuk mengawalinya. Satu penghuni telah mengalami kecederaan di bahu kanan tetapi tiada kemalangan jiwa berlaku. Pihak Bomba telah dihubungi dan operasi tamat pada pukul 4.57 pagi. Api yang marak dengan begitu pantas tidak memberi masa untuk penghuni menyelamatkan kebanyakan harta benda mereka. Sebagai langkah awal, penghuni-penghuni yang juga kakitangan hospital ditempatkan di Tang Lodge Hotel.



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Lawatan Pengarah Hospital ke
Perkhidmatan Hospital
20.01.2021



Neonatal Resuscitation Program (NRP)
09.03.2021



Kempen Derma Darah Berterusan (anggota
hospital menderma darah)
29.01.2021



Neonatal Resuscitation Program (NRP)
09.03.2021



Gotong-royong Taman Infiniti
31.01.2021



Pembersihan dan pemeriksaan Berkala
Tangki Oksigen oleh Sedafiat Tuaran



Bengkel Pemantapan Pengurusan Aset
01-04.02.2021



Hari Pembantu Perubatan Hospital Tuaran

If we don't change, we don't grow. If we don't grow, we aren't really living.

Gail Sheehy